



**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (PDS)**

Public Bank Berhad (6463-H)

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melabur dalam tawaran PB Instrumen Deposit Boleh Niaga Runcit (R-NID) ini. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat berkenaan)

**Nama Produk yang Ditawarkan:**

**PB Instrumen Deposit Boleh Niaga Runcit (R-NID)**

**Tarikh: 12 Oktober 2018**

**1. Apakah produk ini?**

- Ini adalah PB Instrumen Deposit Boleh Niaga Runcit (R-NID) dengan kematangan selama \_\_\_\_\_ bulan dari tarikh pengeluaran/tarikh permulaan.
- Amaun Nominal hanya akan dijamin jika R-NID dipegang sehingga matang.
- R-NID **TIDAK** diinsuranskan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).
- R-NID tidak boleh ditebus pada kadar yang dipersetujui terlebih dahulu sehingga matang tetapi pelanggan boleh menjualnya kepada penggerak pasaran iaitu Public Bank Berhad ("Bank") pada bila-bila masa pada kadar beli yang akan diumumkan oleh Bank.
- Perbezaan utama antara ciri-ciri produk R-NID dengan Deposit Tetap adalah seperti yang berikut:

Ciri-ciri	R-NID	Deposit Tetap
Amaun Nominal/Amaun Pokok yang Dijamin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ya, hanya jika dipegang sehingga matang</li> <li>• Jualan R-NID kepada Bank sebelum matang mungkin menyebabkan kehilangan sebahagian daripada Amaun Nominal permulaan</li> <li>• Apa-apa jualan R-NID kepada Bank sebelum tarikh matang adalah tertakluk pada kadar beli yang akan diumumkan oleh Bank</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ya, tidak kira sama ada dipegang sehingga matang atau dikeluarkan lebih awal</li> </ul>
Diinsuranskan oleh PIDM	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ya</li> </ul>

**2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?**

- Amaun Nominal : RM10,000 dan ke atas, dalam gandaan sebanyak RM1,000  
Minimum R-NID Nota: Tiada Amaun Nominal maksimum
- Pengeluaran : R-NID dikeluarkan pada tara/premium/diskaun\*
- Tempoh : \_\_\_\_\_ bulan  
(Sila rujuk pada tarikh permulaan dan tarikh matang dalam Borang Permohonan Pelaburan R-NID).  
Tempoh maksimum adalah sehingga lima (5) tahun dari tarikh pengeluaran.

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

**PERINGATAN**

**AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.**



2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini? samb.

<ul style="list-style-type: none"><li>Sijil R-NID</li></ul>	<p>Satu Sijil R-NID akan dikeluarkan bagi setiap urus niaga R-NID. Sijil asal diletakkan dalam jagaan dan disimpan secara elektronik oleh Bank pada tarikh permulaan yang bertindak sebagai Depositori Dibenarkan iaitu institusi kewangan berlesen yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dan ahli Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS).</p> <p>Satu Makluman Pengesahan yang memperincikan maklumat mengenai urus niaga R-NID seperti tempoh, tarikh matang, kadar faedah, Amaun Nominal, nombor Sijil R-NID dsbnya. akan dihantar kepada pelanggan pada tarikh permulaan R-NID atau disediakan melalui PBe untuk tujuan rekod.</p>
<ul style="list-style-type: none"><li>Kadar Faedah</li></ul>	<p>Kadar faedah yang diterima pakai atas R-NID adalah kadar faedah (% setahun) yang ditetapkan oleh Bank.</p> <p>(Sila rujuk pada kadar faedah dalam Borang Permohonan Pelaburan R-NID).</p>
<ul style="list-style-type: none"><li>Kekerapan Pembayaran Faedah</li></ul>	<p>(a) Pada tarikh matang bagi tempoh sehingga 1 tahun.</p> <p>(b) Setiap Suku Tahunan (setiap 3 bulan kalendar) atau Setengah Tahun (setiap 6 bulan kalendar) bagi tempoh melebihi 1 tahun dan sehingga 5 tahun.</p> <p>(Sila rujuk pada kekerapan pembayaran faedah dalam Borang Permohonan Pelaburan R-NID).</p>
<ul style="list-style-type: none"><li>Pengiraan Prosid Faedah</li></ul>	<p>Bagi tempoh sehingga 1 tahun, faedah dikira berdasarkan 365 hari dengan menggunakan formula berikut:-</p> $\frac{\text{Amaun Nominal} \times \text{Kadar Faedah (\%)} \times \text{Tempoh R-NID}}{365}$ <p>Bagi tempoh melebihi 1 tahun hingga 5 tahun dengan <b>pembayaran faedah setiap suku tahun</b>, faedah dikira menggunakan formula berikut:-</p> $\frac{\text{Amaun Nominal} \times \text{Kadar Faedah (\%)}}{4}$ <p>Bagi tempoh melebihi 1 tahun hingga 5 tahun dengan <b>pembayaran faedah setiap setengah tahun</b>, faedah dikira menggunakan formula berikut:-</p> $\frac{\text{Amaun Nominal} \times \text{Kadar Faedah (\%)}}{2}$
<ul style="list-style-type: none"><li>Kemudahan Overdraf</li></ul>	<p>Kemudahan overdraf opsyenal disediakan kepada pelanggan tertakluk pada permohonan sekiranya Sijil R-NID akan dicagarkan sebagai sandaran bagi kemudahan overdraf tersebut.</p>

**PERINGATAN**

**AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.**



**3. Apakah terma dan syarat utamanya?**

- Kelayakan
  - (a) Individu berumur 18 tahun dan ke atas (persendirian atau bersama).
  - (b) Pemastautin Malaysia.
  - (c) Bukan individu iaitu Keempunyaan Tunggal, Perkongsian, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)\*.

\* Seperti yang ditakrifkan dalam Dokumen Dasar mengenai Rangka kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset-aset Berwajaran Risiko) yang dikeluarkan pada 1 Ogos 2016 atau apa-apa pindaan daripada Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

- Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Konvensional yang Ditetapkan

Pelanggan perlu mengekalkan Akaun Simpanan atau Akaun Semasa Konvensional (CASA yang Ditetapkan) dengan Bank semasa pembukaan akaun R-NID. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa CASA yang Ditetapkan disenggara pada setiap masa bagi memudahkan peletakan/pengkreditan faedah dan prosid sama ada daripada kematangan atau R-NID yang dijual kepada Bank sebelum matang.

Bagi Sijil R-NID yang dicagarkan bagi Kemudahan Overdraf, semua prosid sama ada daripada kematangan atau R-NID yang dijual kepada Bank sebelum matang akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa dengan Kemudahan Overdraf.

CASA yang Ditetapkan mestilah di bawah entiti pelanggan yang sama dengan akaun R-NID dan hendaklah dirangkaikan ke akaun R-NID pelanggan.

Akaun R-NID dan CASA yang Ditetapkan mesti dikekalkan dengan cawangan pemegang akaun yang sama.

- Prosedur bagi Pembayaran Prosid Faedah dan Pembayaran Apabila Matang

Prosid faedah dan prosid kematangan akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA yang Ditetapkan yang dirangkaikan ke akaun R-NID. Prosid faedah dan prosid kematangan R-NID boleh dibayar pada bila-bila masa sama ada pada hari bekerja atau tidak.

- Jualan R-NID kepada Bank oleh Pelanggan Sebelum Matang

Apa-apa jualan R-NID kepada Bank sebelum tarikh matang adalah tertakluk pada syarat-syarat berikut:

- (a) Pada kadar beli yang diumumkan oleh Bank; dan
- (b) Mungkin menyebabkan kehilangan sebahagian daripada Amaun Nominal permulaan.

Faedah terakru perlu di bayar kepada pelanggan.

- Jualan sebahagian R-NID sebelum matang adalah **TIDAK** dibenarkan.

**PERINGATAN**

**AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.**



**4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?**

Tiada fi dan caj bagi R-NID. Bagaimanapun, pelanggan perlu membuka dan menyenggara CASA yang Ditetapkan dengan Bank bagi tujuan untuk melabur dalam R-NID. Fi dan caj mungkin dikenakan atas CASA yang Ditetapkan, yang mana butir-butir fi dan caj boleh didapati apabila diminta atau diperoleh daripada cawangan-cawangan Bank dan laman web PBe. Bank berhak untuk mengubah fi dan caj berkenaan dengan memberi notis awal selama 21 hari kalendar kepada pelanggan.

**5. Apakah risiko-risiko utamanya?**

Pelanggan akan terdedah kepada risiko-risiko berikut:

- Risiko Pasaran

Jika pelanggan menjual R-NID sebelum tarikh matang, tertakluk pada pergerakan keluk hasil pasaran, pelanggan mungkin kehilangan sebahagian daripada Amaun Nominal permulaan bergantung pada kadar beli yang diumumkan oleh Bank semasa jualan sebelum matang.

- Risiko Kredit

Pembayaran balik Amaun Nominal dan apa-apa prosid faedah R-NID bergantung pada keupayaan Bank untuk membuat pembayaran.

Notis Tambahan:

Pelanggan yang melabur dalam R-NID tidak dijamin oleh Dana Pampasan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, seperti yang dipinda dari semasa ke semasa. Dana Pampasan Pasaran Modal tidak diberi kepada pelanggan-pelanggan yang mengalami kerugian kewangan oleh kerana kemungkiran, atau peyalahgunaan wang atau hartanah lain oleh Pengarah, Pegawai, kakitangan atau wakil Bank.

Apabila pelanggan mengalami kerugian kewangan dalam keadaan di atas, pelanggan boleh membuat aduan dengan unit pengendalian aduan Bank. Pelanggan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Bank boleh merujuk kes beliau kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dalam tempoh 6 bulan selepas menerima keputusan akhir dari Bank atau selepas 60 hari kalendar dari tarikh aduan difailkan dengan Bank di mana tiada balasan diberi kepada pelanggan oleh Bank. Prosedur untuk membuat pertikaian dengan Bank boleh didapati dalam risalah mengenai "Penyelesaian Pertikaian Kewangan".

**6. Apakah yang perlu saya buat jika terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi saya?**

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami mengenai perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi anda seperti nombor telefon dan alamat surat-menyurat bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**PERINGATAN**

**AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.**



**7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai pelaburan, sila layari laman web *bankinginfo* melalui [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my) di bawah tajuk 'Investing Your Money' (Melaburkan Wang Anda).

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Public Bank Berhad**  
146 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Tel: 1800-22-9999  
Faks: 03-2164 6670  
E-mel: [customerservice@publicbank.com.my](mailto:customerservice@publicbank.com.my)

**8. Di manakah saya boleh membuat aduan?**

- Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi:

**Public Bank Berhad**  
146 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Tel: 1800-22-5555  
Faks: 03-2164 6670  
E-mel: [customerservice@publicbank.com.my](mailto:customerservice@publicbank.com.my)

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh Bank, anda juga boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

<b>BNMLINK</b> (Pelanggan berkunjung terus ke Pusat Khidmat Pelanggan)	<b>BNMTELELINK</b> (Pusat Perhubungan)
Tingkat Bawah, Block D Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur	<p>Mel : Bank Negara Malaysia Peti Surat 10922 50929 Kuala Lumpur</p> <p>Tel. : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)</p> <p>Faks : 03-2174 1515</p> <p>E-mel : <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a></p> <p>SMS : Hantar "BNM TANYA [pertanyaan/aduan anda]" kepada 15888.</p> <p>Caj SMS akan dikenakan oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi bagi penghantaran dan penerimaan mesej.</p>

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan produk ini dikeluarkan pada 12 Oktober 2018 dan sah sehingga semakan semula.

**PERINGATAN**

**AMAUN POKOK PRODUK INI DIJAMIN OLEH BANK PENGELUAR APABILA MATANG SAHAJA. SEKIRANYA PRODUK INI DIJUAL SEBELUM MATANG, PELANGGAN MUNGKIN KEHILANGAN SEBAHAGIAN DARIPADA DEPOSIT PERMULAAN. PELANGGAN DIINGATKAN BAHAWA PRODUK INI TIDAK DIINSURANSKAN OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.**